

## Specific Terms and Conditions for TRUE Transact, TRUE Savers Accounts and TRUE by AmBank Debit MasterCard

(Effective Date: 08.04.2016)

Eligible for protection by PIDM

This Specific Terms and Conditions for TRUE Transact and TRUE Savers Accounts and TRUE by AmBank Debit MasterCard shall be read together with the:-

- (i) General Terms and Conditions for Accounts and Services (applicable for TRUE Transact and TRUE Savers Accounts only);
- (ii) AmBank Debit MasterCard Terms and Conditions (applicable for TRUE by AmBank Debit MasterCard); and
- (iii) Frequently Asked Questions at [truebyambank.com](http://truebyambank.com)

### 1.0 Definition and Construction

- 1.1 Unless otherwise defined herein, words and expressions defined in the General Terms and Conditions for Accounts and Services, and AmBank Debit MasterCard Terms and Conditions shall have the same meanings when used in this Specific Terms and Conditions.
- 1.2 In this Specific Terms and Conditions, the following words shall have the meanings assigned to it as stated thereto:-  
“Account” means the TRUE Transact Account and TRUE Savers Account which the Accountholder has with the Bank.  
“Accountholder” means the Bank’s customer whose application for the TRUE Transact Account and TRUE Savers Account was accepted by the Bank.

### 2.0 Eligibility

- 2.1 The Accountholder must have and maintain a valid registered mobile phone number and email address throughout his operation of the Account. Please refer to the Frequently Asked Questions at [truebyambank.com](http://truebyambank.com) for further details.

### 3.0 Product Features of TRUE Transact and TRUE Savers Accounts

Aside from the features stated in the Frequently Asked Questions at [truebyambank.com](http://truebyambank.com),

#### 3.1 TRUE Transact Account

- No cheque book and overdraft facilities will be made available.
- 5 free MEPS withdrawals per month at any other bank’s ATM nationwide (The MEPS charges will be deducted at point of transaction and will be credited back to Accountholder’s TRUE Transact Account on the first (1st) day of the subsequent month).

- Free unlimited Interbank GIRO (IBG) transactions via online banking and ATM.
  - Credit balance in account will not earn any interest. Over the counter withdrawals permitted.
- #### 3.2 TRUE Savers Account
- 3 debit transactions per month (includes any withdrawal / transfers / payments made from TRUE Savers Account).
  - A fee will be charged to the Accountholder for each withdrawal / debit transaction beyond the 3 withdrawals / debit transactions limit per month. The fee charged can be found at [truebyambank.com](http://truebyambank.com)
  - Interest calculated on daily basis based on end-of-day balance in the account. The interest will be accumulated in accrual buckets and auto-credited into the account on the last day of the month.
  - The account interest rate, features and fees & charges can be found at [truebyambank.com](http://truebyambank.com) and subject to change.

#### 3.3 Statement of Accounts

The statement of account for the Account shall be consolidated into one (1) online statement which is made available on the 1st day of every month in AmOnline to Accountholder at no cost. If Accountholder requires monthly hardcopy statements, a monthly fee will be charged to Accountholder and debited from his TRUE Transact Account. The fee charged for hardcopy statements is available at [truebyambank.com](http://truebyambank.com)

- 3.4 An existing customer of the Bank who had successfully applied for the TRUE Transact Account and TRUE Savers Account may link the Accounts to a generic Debit MasterCard issued by the Bank in lieu of TRUE by AmBank Debit MasterCard.

### 4.0 Conduct of TRUE by AmBank Debit MasterCard

- 4.1 As the TRUE by AmBank Debit MasterCard is linked to TRUE Transact Account and TRUE Savers Account, all payment for retail transactions performed through MyDebit/MasterCard Payment Network or Merchant Terminals will be deducted directly from the designated Account by default. However, the Accountholder can, subject to Clause 4.2 and 4.3 below, link the TRUE by AmBank Debit MasterCard to any other AmBank Deposit account held by the Accountholder.
- 4.2 For joint current or savings account, the link to the TRUE by AmBank Debit MasterCard is only permitted if each joint account holder can operate and make withdrawals / payments from the said account on his own without the consent of the other accountholder(s).
- 4.3 The linking of any joint Deposit account to the TRUE by AmBank Debit MasterCard must be carried out at any AmBank branch, and is subject to fulfilment of the Bank’s conditions.

### 5.0 Auto Closure of the Accounts

- 5.1 If both the Accounts turn dormant with no credit balance in them, the Bank will auto-close the Accounts after 1 year of account dormancy.


- 5.2 However and in the event that:-

- (i) the TRUE Savers Account is active with debit / credit transactions, the TRUE Transact Account will not be closed even if it turns dormant, unless the TRUE Transact Account has a negative balance in it.
  - (ii) the TRUE Transact Account is active with credit / debit transactions and the TRUE Savers Account turns dormant without any credit balance in the account, the TRUE Savers Account will auto-close after expiry of the notice of account closure given to the Accountholder. The Bank also reserves the right to close the TRUE Transact Account in such event subject to the Accountholder being given prior notice.
- 5.3 The closure of the Accounts or any of the Accounts shall be without prejudice to the authorisation given to the Bank to exercise the Bank’s right of debit and/or right of set-off.

AmBank (M) Berhad (8515-D)

 +603 2178 8999

 [yourstruly@truebyambank.com](mailto:yourstruly@truebyambank.com)

 [truebyambank.com](http://truebyambank.com)

 [facebook.com/TRUEbyAmBank](https://facebook.com/TRUEbyAmBank)

## Terma dan Syarat Spesifik untuk Akaun Transaksi TRUE, Akaun Penyimpanan TRUE dan Kad Debit MasterCard TRUE by AmBank

(Tarikh Berkuatkuasa: 08.04.2016)

Layak dilindungi oleh PIDM

Terma dan Syarat Spesifik ini untuk Akaun Transaksi TRUE dan Akaun Penyimpanan TRUE dan Kad Debit MasterCard TRUE by AmBank akan dibaca bersama-sama dengan:-

- (i) Terma dan Syarat Umum bagi Akaun dan Perkhidmatan (diterima pakai untuk Akaun Transaksi TRUE dan Akaun Penyimpanan TRUE sahaja);
- (ii) Terma dan Syarat Kad Debit MasterCard AmBank (diterima pakai untuk Kad Debit MasterCard TRUE by AmBank); dan
- (iii) Soalan-soalan Lazim di truebyambank.com

### 1.0 Takrifan dan Pentafsiran

- 1.1 Kecuali ditakrifkan sebaliknya dalam dokumen ini, perkataan dan ungkapan yang ditakrifkan dalam Terma dan Syarat Umum bagi Akaun dan Perkhidmatan, dan Terma dan Syarat Kad Debit MasterCard AmBank akan mempunyai maksud yang sama apabila digunakan dalam Terma dan Syarat Spesifik ini.
- 1.2 Dalam Terma dan Syarat Spesifik ini, perkataan yang berikut akan mempunyai maksud yang diperuntukkan kepadanya seperti yang dinyatakan padanya:-  
"Akaun" bermaksud Akaun Transaksi TRUE dan Akaun Penyimpanan TRUE yang dipegang oleh Pemegang Akaun dengan Bank.  
"Pemegang Akaun" bermaksud pelanggan Bank yang permohonannya untuk Akaun Transaksi TRUE dan Akaun Penyimpanan TRUE telah diterima oleh Bank.

### 2.0 Kelayakan

- 2.1 Pemegang Akaun mestilah memiliki dan mengekalkan nombor telefon mudah alih dan alamat emel yang sah sepanjang operasi Akaunnya. Sila rujuk Soalan-soalan Lazim di truebyambank.com untuk mendapatkan butiran lanjut.

### 3.0 Ciri-ciri Produk bagi Akaun Transaksi TRUE dan Akaun Penyimpanan TRUE

Selain ciri-ciri yang dinyatakan dalam Soalan-soalan Lazim di truebyambank.com,

#### 3.1 Akaun Transaksi TRUE

- Tiada buku cek dan kemudahan overdraf yang akan disediakan.
- 5 pengeluaran MEPS percuma setiap bulan di mana-mana Mesin Juruwang Automatik (ATM-Automated Teller Machine) bank lain di seluruh negara. (Caj MEPS akan dipotong pada masa transaksi dan akan dikreditkan kembali ke Akaun Transaksi TRUE Pemegang Akaun pada hari pertama (1) dalam bulan yang seterusnya).

- Transaksi Interbank GIRO (IBG) tanpa had secara percuma melalui perbankan dalam talian dan ATM.
  - Baki kredit dalam akaun tidak akan memperoleh apa-apa faedah. Pengeluaran di kaunter dibenarkan.
- 3.2 Akaun Penyimpanan TRUE
    - 3 transaksi debit setiap bulan (termasuk mana-mana pengeluaran / pemindahan / pembayaran yang dibuat daripada Akaun Penyimpanan TRUE).
    - Bayaran akan dikenakan kepada Pemegang Akaun bagi setiap transaksi pengeluaran / debit yang melebihi had 3 transaksi pengeluaran / debit setiap bulan. Bayaran yang dikenakan boleh didapati di truebyambank.com
    - Faedah dihitung secara harian berdasarkan baki akhir hari dalam akaun. Faedah akan dikumpulkan dalam tabung akruan dan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun pada hari terakhir dalam bulan berkenaan.
    - Kadar faedah akaun, ciri-ciri dan yuran & caj boleh didapati di truebyambank.com dan tertakluk kepada perubahan.
  - 3.3 Penyata Akaun  
Penyata akaun untuk Akaun akan digabungkan menjadi satu (1) penyata dalam talian yang tersedia pada hari pertama (1) dalam setiap bulan di AmOnline bagi Pemegang Akaun tanpa dikenakan kos. Jika Pemegang Akaun memerlukan penyata salinan cetak secara bulanan, bayaran bulanan akan dikenakan kepada Pemegang Akaun dan didebitkan daripada Akaun Transaksi TRUE beliau. Bayaran yang dikenakan untuk penyata salinan cetak boleh didapati di truebyambank.com
  - 3.4 Pelanggan sedia ada bagi Bank yang telah berjaya memohon untuk Akaun Transaksi TRUE dan Akaun Penyimpanan TRUE boleh menghubungkan Akaun tersebut dengan Kad Debit MasterCard generik yang dikeluarkan oleh Bank sebagai ganti kepada Kad Debit MasterCard TRUE by AmBank.

### 4.0 Pelaksanaan Kad Debit MasterCard TRUE by AmBank

- 4.1 Oleh sebab Kad Debit MasterCard TRUE by AmBank dihubungkan dengan Akaun Transaksi TRUE dan Akaun Penyimpanan TRUE, semua pembayaran untuk transaksi runcit yang dibuat melalui Rangkaian Pembayaran MyDebit/MasterCard atau Terminal Saudagar akan ditolak terus daripada Akaun yang ditetapkan secara automatik. Walau bagaimanapun, Pemegang Akaun boleh, tertakluk pada Fasal 4.2 dan 4.3 di bawah, menghubungkan Kad Debit MasterCard TRUE by AmBank dengan mana-mana akaun Deposit AmBank lain yang dipegang oleh Pemegang Akaun.
- 4.2 Bagi akaun semasa atau simpanan bersama, hubungan dengan Kad Debit MasterCard TRUE by AmBank hanya dibenarkan jika setiap pemegang akaun bersama dapat mengendali dan membuat pengeluaran / pembayaran daripada akaun tersebut secara bersendirian tanpa kebenaran daripada pemegang akaun yang lain.
- 4.3 Urusan menghubungkan mana-mana akaun Deposit bersama dengan Kad Debit MasterCard TRUE by AmBank hendaklah dilakukan di cawangan AmBank, dan tertakluk pada pemenuhan syarat-syarat Bank.

### 5.0 Penutupan Akaun Secara Automatik

- 5.1 Jika kedua-dua Akaun menjadi dormant tanpa baki kredit di dalamnya, Bank akan menutup Akaun tersebut secara automatik selepas 1 tahun akaun dormant.
- 5.2 Walau bagaimanapun dan sekiranya:-
  - (i) Akaun Penyimpanan TRUE adalah aktif dengan transaksi debit / kredit, Akaun Transaksi TRUE tidak akan ditutup walaupun ia menjadi dormant, kecuali Akaun Transaksi TRUE tersebut mempunyai baki negatif di dalamnya.
  - (ii) Akaun Transaksi TRUE adalah aktif dengan transaksi kredit / debit dan Akaun Penyimpanan TRUE menjadi dormant tanpa apa-apa baki kredit dalam akaun, Akaun Penyimpanan TRUE akan ditutup secara automatik selepas notis penutupan akaun yang diberi kepada Pemegang Akaun telah tamat tempoh. Bank juga berhak menutup Akaun Transaksi TRUE dalam peristiwa seumpama itu tertakluk pada Pemegang Akaun telah diberi notis terlebih dahulu.
- 5.3 Penutupan Akaun atau mana-mana Akaun adalah tanpa prasangka pada kebenaran yang diberi kepada Bank untuk menjalankan hak debit dan/atau hak tolak selesai Bank.

AmBank (M) Berhad (8515-D)

+603 2178 8999

yourstruly@truebyambank.com

truebyambank.com

facebook.com/TRUEbyAmBank